

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

STU322 - Organisasi Khidmat Manusia

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Terdapat enam (6) soalan di sini, anda mesti menjawab EMPAT (4) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan bernilai sebanyak 25 markah.

- 1) Latihan penting diberikan dalam organisasi khidmat manusia. Bincangkan apakah kaedah-kaedah yang perlu diambil bagi seorang pengurus sebelum sesuatu latihan itu diberikan.  
(25 markah)
  
- 2) Ahli sukarelawan penting dalam organisasi manusia terutama sekali bila terdapatnya peruntukan kewangan yang sedikit dalam mengambil pekerja sepenuh masa. Bincangkan bagaimana organisasi khidmat manusia membuat pemilihan yang efektif ke atas ahli-ahli sukarelawannya.  
(25 markah)
  
- 3) Bincangkan beberapa kaedah bagaimana proses perancangan yang berkesan boleh dibuat ke atas organisasi manusia.  
(25 markah)

....2/-

- 4) Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan penyeliaan yang demokratik (democratic supervision) serta langkah-langkah yang perlu diambil semasa menjalankan penyeliaan ini.

(25 markah)

- 5) Bincangkan apakah tujuan mengadakan sesuatu penilaian dalam program kerja sosial dan bagaimana ia dilakukan dalam organisasi khidmat manusia.

(25 markah)

- 6) Sebagai seorang pengurus, anda telah diminta oleh lembaga organisasi yang berkenaan untuk memperkenalkan satu program perkhidmatan sosial untuk wanita belasan tahun yang mempunyai masalah sosialisasi. Anda telah diberitahu terdapat banyak wanita belasan tahun yang mengandung sebelum berkahwin dan kebanyakan mereka tidak mempunyai kemahiran bergaul dengan baik. Situasi ini telah mencapai ketahap kebimbangan dalam komuniti yang berkenaan.

Tujuan perkhidmatan sosial ini diperkenalkan ialah untuk membantu wanita yang berkenaan mendapatkan proses sosialisasi yang sempurna dan dengan proses ini ia akan dapat mengurangkan masalah komuniti tersebut.

Berdasarkan kepada senario di atas, berikan tiga objektif yang boleh dicapai oleh program sosial yang berkenaan dan kemukakan aktiviti-aktiviti yang boleh diukur keberkesanannya pada akhir program ini nanti.

(25 markah)

- oo o0o oo -